

Headline	Pengusaha enggan pindah TNB		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	23	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	115 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 633
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,898



## Pengusaha enggan pindah: TNB

**SENTUL** - Pengusaha perniagaan khemah dan katerer yang beroperasi di bawah pencawang Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Kampung Bandar Dalam diberi peringatan berpindah dari kawasan berkenaan.

Naib Presiden, Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi TNB, Adelina Iskandar berkata, Notis Memberhentikan Aktiviti (NMA) dikeluarkan kepada pengusaha sejak 14 Jun 2012 dan terbaru, 28 Mei 2013.

Menurutnya, TNB akan terus bekerjasama dengan Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGW) serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) supaya tindakan dapat diambil mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

"TNB hanya boleh mengeluarkan notis dan meminta pengusaha terbabit keluar dari kawasan terbabit.

"Bagaimanapun, kuasa untuk meroboh atau menghentikan operasi bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya mengulas laporan *Sinar Harian*, 28 Mei lalu, mengenai gesaan penduduk supaya



Laporan Sinar Harian, 28 Mei lalu.

tindakan diambil terhadap perniagaan yang diusahakan di bawah pencawang TNB.

Penduduk bimbang tindakan pengusaha terbabit boleh mencetuskan bahaya sekiranya khemah diterbangkan angin dan terbakar.